

PEMANTAPAN PENILAIAN PRESTASI GURU PELATIH
DALAM PROGRAM LATIHAN MENGAJAR
DI KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN (KUITTHO)

SUHARTINI BINTI MOHD JAINURY

Laporan Projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional

Jabatan Pendidikan Teknik Dan Vokasional
Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

MAC, 2003

DEDIKASI

Klias Untukmu Suami Tercinta

'kehadiranmu bagaikan lilin dalam hidupku'

Anakku Sayang, Mohid Faris

'tawa dan tangismu adalah semangatku'

Insan Yang Bakal Dilahirkan

'kejayaanku kejayaanmu jua'

Emak Dan Adik-Adik

'jasa dan pengorbanan kalian tidak mampu kubalas dengan harta di dunia'



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani serta selawat dan salam atas junjungan Nabi S.A.W. Dengan izin-Nya kekuatan diberikan untuk saya menyiapkan laporan projek akhir ini.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada En. Asri Bin Hj. Selamat selaku penyelia projek kerana tanpa bimbingan, bantuan dan teguran beliau maka tidak mungkin projek ini akan berjaya. Ucapan terima kasih kepada semua pensyarah-pensyarah di Fakulti Teknologi Kejuruteraan yang telah banyak memberi maklumat, tunjuk ajar dan komen yang sangat membantu dalam usaha menyiapkan projek ini.

Juga, terima kasih kepada rakan-rakan dan perseorangan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung bagi membantu dalam menjayakan projek ini. Segala tunjuk ajar dan jasa kalian amat dihargai. Buat keluarga tercinta, jasa dan pengorbanan kalian akanku kenang hingga ke akhir hayat.

Sekian. Terima kasih.

Suhartini Mohd Jainury.

ABSTRAK

Kualiti Program Latihan Mengajar merupakan suatu perkara yang sentiasa hangat diperdebatkan sejak dahulu lagi terutamanya berkenaan penilaian prestasi guru pelatih. Ia merupakan satu aspek penting dalam mana-mana latihan perguruan.. Kajian yang dijalankan adalah untuk melihat sejauhmanakah kemantapan penilaian prestasi guru pelatih yang mengikuti program Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional di KUiTTHO. 'Keperluan Penilaian Pelbagai Pihak' merupakan fokus utama dalam kajian ini. Soal selidik yang diedarkan kepada 127 responden mendapati bahawa sebahagian besar responden menyatakan bahawa penilaian yang sedia ada kurang memuaskan. Cadangan terhadap penilaian pelbagai pihak mendapat persetujuan ramai. Hasil daripada dapatan kajian, sebuah produk telah dibina dan dinilai iaitu Borang Penilaian Prestasi Guru Pelatih yang akan digunakan oleh penilai pelbagai pihak iaitu penyelia, pembimbing, pengetua, rakan sebaya, pelajar dan penilaian sendiri.

SENARAI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MERKA SERAI
	PENGESAHAN STATUS TESIS	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	JUDUL	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGUARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vii
	KANDUNGAN	viii
	SENARAI JADUAL	xv
	SENARAI RAJAH	xvii
	SENARAI SINGKATAN	xviii

BAB I PENDAHULUAN

- 1.1. Latar Belakang
- 1.2. Tujuan dan Ruang Lingkup
- 1.3. Metodologi
- 1.4. Struktur Tesis
- 1.5. Kesimpulan
- 1.6. Penghargaan

1.7	Skop Kajian	9
1.8	Definasi Istilah	10
1.8.1	Pemantapan	10
1.8.2	Penilaian Prestasi	11
1.8.3	Latihan Mengajar	12

BAB II SOROTAN KAJIAN

2.1	Pengenalan	14
2.2	Kepentingan Latihan Mengajar	15
2.3	Penilaian Prestasi Guru Pelatih	20
2.3.1	Kriteria Yang Dinilai	23
2.3.2	Kepentingan Penilaian Prestasi Guru Pelatih	28
2.3.3	Penilai Prestasi Guru Pelatih	29
2.3.4	Kaedah Penilaian Prestasi	34

BAB III METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	37
3.2	Langkah-Langkah Kerja	37
3.3	Rekabentuk Kajian	39
3.4	Kerangka Teori	39
3.5	Persampelan	40
3.6	Instrumentasi Kajian	41
3.6.1	Kesahan Instrumen	44
3.6.2	Kebolehpercayaan	44
3.7	Kajian Rintis	45
3.8	Pengumpulan Data	45
3.9	Kaedah Analisis Data	46
3.10	Pembuatan Prototaip	46

BAB IV REKABENTUK DAN PENILAIAN PRODUK

4.1	Pengenalan	48
4.2	Latarbelakang Teori Penghasilan Produk	49
4.3	Rekabentuk Produk	51
	4.3.1 Bentuk Dan Ciri-Ciri Produk	52
	4.3.2 Kronologi Pembinaan Produk	52
	4.3.3 Permasalahan Dalam Membina Produk	52
	4.3.4 Bahan, Kos Dan Masa Membina Produk	53
	4.3.5 Dokumentasi Produk	54
4.4	Penilaian Produk	54
	4.4.1 Pemilihan Dan Pembinaan Instrumen Untuk Menilai Produk	55
	4.4.2 Pemilihan Sampel Kajian Yang Akan Menilai Produk	56
	4.4.3 Fokus Penilaian	57
	4.4.4 Cadangan Pembaikan	57

BAB V ANALISIS DATA

5.1	Pendahuluan	58
5.2	Bahagian I : Data Demografi	59
	5.2.1 Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Jantina	59
	5.2.2 Latar Belakang Responden Berdasarkan Umur Dan Pengalaman Mengajar	60
5.3	Bahagian II : Keperluan Pemantapan Penilaian Prestasi Guru Pelatih	61
	5.3.1 Analisis Berdasarkan Min Dan Sisihan Piawai	61
	5.3.2 Analisis Berdasarkan Peratusan	64
5.4	Bahagian III : Keperluan Penilaian Pelbagai Pihak	68
5.5	Analisis Penilaian Produk	70

BAB VI PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

6.1	Pendahuluan	72
6.2	Perbincangan	73
	6.2.1 Dapatan Bahagian II	73
	6.2.2 Dapatan Bahagian III	76
	6.2.3 Dapatan Bahagian Penilaian Produk	77
6.3	Rumusan Kajian	78
	6.3.1 Rumusan Dapatan	78
6.4	Cadangan	80

RUJUKAN

83

LAMPIRAN A**LAMPIRAN B****LAMPIRAN C****LAMPIRAN D****LAMPIRAN E**

PT TA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Pemarkahan Item-item Skala Likert	43
5.1	Latar Belakang Responden Mengikut Umur Dan Pengalaman Mengajar	60
5.2	Pengiraan Ukuran Serakan Menggunakan Julat Min	61
5.3	Skor Min, Kriteria Dan Sisihan Piawai Bagi Setiap Pernyataan Berhubung Keperluan Pemantapan Penilaian Prestasi Guru Pelatih	62
5.4	Kriteria Bagi Pernyataan Tahap Setuju Dan Tidak Setuju	69
5.5	Maklumbalas Responden Terhadap Keperluan Penilaian Pelbagai Pihak	69
5.6	Analisis Penilaian Produk (Kriteria)	70
5.7	Analisis Penilaian Produk (Pengubahsuaian)	71

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Langkah Kerja Kajian	38
3.2	Kerangka Teori Kajian	40
4.1	Penilaian Prestasi Guru Pelatih (Cox (1994) dan Machado dan Botnarescue (1993))	51
5.1	Peratusan Responden Mengikut Jantina	60
5.2	Taburan Kekerapan Berhubung Pengurusan Program Latihan Mengajar Di KUiTTHO	65
5.3	Taburan Kekerapan Berhubung Bentuk Penilaian Yang Sesuai Bagi Program Latihan Mengajar	67

SENARAI SINGKATAN

ABBM	:	Alat dan Bahan Bantu Mengajar
KUiTTHO	:	Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn
SPSS	:	<i>Statistical Package for Social Science</i>



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Dalam usaha merealisasikan Wawasan 2020, pelbagai pembaharuan dan pembangunan secara total dilakukan meliputi bidang-bidang ekonomi, sosial, pendidikan, kesihatan dan sebagainya. Seiring dengan itu juga, profession perguruan yang dahulunya sepi, kini semakin mendapat tempat di hati warga Malaysia. Pelbagai usaha dilakukan untuk membuka mata masyarakat tentang betapa murni dan mulianya seorang guru. Begitu juga dengan kursus-kursus pendidikan perguruan yang menerima banyak perubahan untuk mempertingkatkan lagi mutu guru-guru yang bakal dilahirkan.

Pendidikan perguruan merangkumi pembelajaran dari segi teori dan amali. Menurut Zakaria Kassim dan Idris Md Nor (1994), pembelajaran teori menyediakan guru-guru pelatih dengan konsep, pengetahuan dan kemahiran asas; manakala amali pula merupakan pengaplikasian teori tersebut di alam persekolahan sebenar. Aspek amali yang dimaksudkan oleh mereka adalah program latihan mengajar. Hal ini turut di sokong oleh Abd Raof Dalip dan T. Subahan Mohd Meerah (1991) yang

menyatakan bahawa latihan mengajar merupakan komponen yang sangat penting dalam kurikulum pendidikan keguruan.

Mohd Ibrahim Nazri dan Zakaria Kasa (1994) menyatakan bahawa latihan mengajar penting kerana perlaksanaannya selaras dengan amalan dalam pendidikan professional yang memberi penekanan terhadap latihan atau pengalaman praktik dalam situasi pekerjaan sebenar.

Selain dari itu, latihan mengajar juga dapat mengembangkan kemahiran pengajaran (Abdul Rahim Abdul Rashid et al, 1992), pembinaan sahsiah (Affizah Mohamad Ghaffar, 2001) serta memberi peluang kepada guru pelatih untuk mengaplikasikan pengetahuan berkaitan dengan teori dalam amalan pendidikan mereka (Edward John, 2001).

Dengan itu, adalah penting suatu kajian berterusan terhadap program Latihan Mengajar dilakukan dari semasa ke semasa untuk mendapatkan idea-idea pembaharuan konsep, pengubahsuaian kurikulum, pembangunan model dan penghasilan guru-guru yang berkualiti tinggi selaras dengan arus kepesatan teknologi maklumat (ICT) dan masyarakat berilmu (K-Society) pada masa kini.

1.2 Latar Belakang Kajian

Program latihan mengajar yang dikendalikan adalah berdasarkan konsep sejagat dan dilaksanakan dengan strategi terancang. Segala langkah dan peraturan telah diperhalusi tetapi ia masih lagi tertakhluk kepada perubahan untuk kesempurnaan (Ismail Kailani, 1995). Guru-guru pelatih yang telah didedahkan

dengan pelbagai ilmu pendidikan seperti psikologi pendidikan, pedagogi, teknologi pendidikan dan falsafah pendidikan akan dihantar untuk menjalani latihan mengajar pada pertengahan atau akhir sesi pengajian mereka. Di situlah mereka akan mempraktikkan segala ilmu yang dipelajari dan akan dinilai oleh penyelia-penyelia yang terlibat.

Di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO), program latihan mengajar merupakan aspek amali yang wajib dijalankan bagi memenuhi syarat untuk mendapat penganugerahan kursus-kursus pendidikan perguruan seperti Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional. Biasanya program ini dijalankan pada pertengahan atau akhir kursus-kursus pendidikan perguruan tersebut. Tempat-tempat untuk menjalani latihan mengajar pula ditentukan oleh penyelaras program berdasarkan pemilihan guru pelatih dan kekosongan tempat. Pelatih boleh membuat pilihan di mana-mana sekolah menengah teknik, politeknik dan kolej komuniti di serata Malaysia.

Penilaian prestasi guru pelatih semasa menjalani latihan mengajar dinilai oleh beberapa pihak antaranya ialah pensyarah penyelia, guru pembimbing (dilantik oleh pihak sekolah) dan pengetua di tempat latihan. Peranan ketiga-tiga pihak ini adalah sama, cuma yang membezakan mereka adalah dari segi kekerapan seliaan yang mereka lakukan. Sekiranya dibandingkan antara ketiganya, guru pembimbing yang dilantik adalah lebih kerap menyelia.

Dalam usaha untuk menyelia dan menilai prestasi guru pelatih, terdapat beberapa masalah yang sering menjadi kritikan dan bahan kajian. Menurut Acheson dan Gall (1980), pelatih memang tidak suka diselia walaupun penyeliaan itu dianggap sebagai aktiviti penting dalam latihan mengajar. Hasil kajian Tajul Ariffin Noordin (1994) turut menyokong pernyataan ini kerana menurut dapatan beliau, guru pelatih lebih menginginkan pensyarah penyelia berfungsi sebagai pembimbing, penasihat dan kaunselor daripada sebagai penyelia dan penilai.

Selain itu juga, menurut Widad Othman et al (1989), ketidakselarasan markah dan tunjuk ajar antara penyelia juga merupakan satu masalah. Perkara ini wujud kerana setiap penyelia mempunyai fikiran, fahaman, pandangan, aspirasi kemahuan, ego dan latarbelakang yang berbeza. Dengan itu apabila guru pelatih mendapatkan pandangan atau tunjuk ajar daripada beberapa penyelia, maka percanggahan pendapat akan berlaku dan guru pelatih menjadi keliru untuk memilih tunjuk ajar yang perlu dipatuhi.

Valli (1989) telah menggariskan empat aspek yang kerap menimbulkan masalah kepada guru pelatih semasa menjalani latihan mengajar iaitu:-

- i. Sekolah mempunyai norma dan tanggapan yang berbeza daripada institusi perguruan
- ii. Panduan daripada penyelia kerap berfokus terhadap sahsiah guru berbanding komponen pengajaran dan pembelajaran
- iii. Penyelia ataupun guru pembimbing tidak memodelkan cadangan penbaikan pengajaran dan pembelajaran yang mereka sarankan
- iv. Jarang sekali usaha dilaksanakan untuk mengaitkan teori dan peraktis. Keadaan ini menyebabkan guru pelatih kabur terhadap perkaitan sebenar di antara latihan mengajar dan ilmu teori pembelajaran dan pengajaran yang diperolehi semasa latihan.

Abu Zahari Abu Bakar et al (1988) turut mengemukakan persoalan tentang keberkesanan penilaian yang dilakukan oleh penyelia semata-mata yang hanya melihat beberapa kali penyeliaan sahaja di sepanjang tempoh latihan mengajar sedangkan sebahagian besar masa pengajaran yang lain tidak diambil kira. Dengan itu prestasi guru pelatih tidak dapat dipastikan secara jitu. Persoalan juga timbul iaitu sejauhmanakah prestasi guru pelatih ketika mereka tidak diselia oleh penyelia yang ditetapkan?

Apa yang menyedihkan lagi, terdapat banyak kajian yang menyatakan bahawa guru pelatih hanya 'berlakon' di hadapan penyelia semata-mata kerana hendak mendapatkan markah yang terbaik (Jagdish Raj Sharma (1992), Zulkifli A. Manaf (1994)). Tunku Mohani Tunku Mohtar dan Lee (1994)) turut menyokong dengan menyatakan bahawa guru pelatih hanya mengikut apa sahaja yang penyelia mereka mahukan. Hal ini akan menyebabkan guru-guru pelatih tidak dapat membina keyakinan diri serta bersikap pura-pura dalam menjalani latihan mengajar. Guru-guru pelatih akan berasa tidak puas hati kerana bersikap hanya sekadar 'melepaskan batuk di tangga' dan manfaat yang didapati juga tidak dapat membantu meningkatkan mutu sebagai seorang guru.

Amalan latihan mengajar pada masa kini juga kurang menitikberatkan penilaian yang dilakukan oleh pelajar-pelajar yang diajar oleh guru pelatih, rakan sebaya dan penilaian sendiri walhal menurut Ab Aziz Yusof (1999), penilaian berasaskan "Maklumbalas 360^o" sangat sesuai digunakan untuk menilai prestasi kerja. Menurut beliau, penilaian prestasi perlulah mengambil kira penilaian daripada semua peringkat sama ada pihak atasan, pihak bawahan dan rakan sekerja. Secara khususnya, dalam sesebuah organisasi penilaian prestasi dilakukan oleh pengurus langsung, pengurus atasan, rakan sekerja, pekerja bawahan, penilaian sendiri dan lain-lain.

Penilaian merupakan suatu perkara yang rumit. Ia memerlukan penghakiman yang teliti dan adil dari pihak-pihak tertentu. Dengan itu, penilaian perlu dilakukan sebaik mungkin untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan berguna bagi memperbaiki mutu guru-guru pelatih semasa menjalani latihan mengajar. Ia perlu dilaksanakan melalui proses yang sistematik supaya dapat mencapai matlamat yang ditentukan dan dapat memberi kesan yang mendalam kepada guru pelatih, institusi pendidikan serta terhadap profession perguruan itu sendiri.

1.3 Pernyataan Masalah

Pada masa kini, kebanyakan institusi pendidikan di Malaysia menjadikan pensyarah penyelia, guru pembimbing dan pengetua sebagai penilai prestasi guru pelatih. Walau bagaimanapun masih terdapat institusi yang hanya menekankan aspek penyelia semata-mata dalam menilai prestasi guru pelatih. Menurut pembacaan penyelidik, hal ini berbeza dengan keadaan di luar negara yang sesetengahnya turut menggunakan pelajar, rakan sebaya atau penilaian sendiri dalam mempertingkatkan penilaian prestasi guru pelatih. Menurut Machado dan Botnarescue (1993), antara pihak yang boleh membuat penilaian prestasi guru pelatih ialah diri sendiri, pembantu kelas (guru pembimbing), guru pelatih yang lain, kakitangan sekolah, pelajar, ibu bapa, penyelia, pegawai pentadbiran atau pakar konsultan (*consulting specialist*) dan pegawai atasan.

Oleh kerana guru pelatih yang hanya diselia beberapa kali sahaja oleh pensyarah penyelia yang ditetapkan, maka kajian ini dilakukan untuk meninjau sejauhmanakah peranan penilai-penilai yang terdiri daripada pensyarah penyelia, guru pembimbing, pengetua, pelajar, rakan sebaya dan penilaian sendiri dapat membantu meningkatkan prestasi guru pelatih. Kajian dan pembaharuan dilakukan untuk mendapatkan satu kaedah penilaian prestasi terhadap guru pelatih yang relevan dengan masa kini bagi menghasilkan guru-guru yang bermutu tinggi serta meningkatkan keprofessionalan dalam pendidikan itu sendiri.

1.4 Persoalan Kajian

Bagi mengkaji keperluan penilaian prestasi guru pelatih yang mengikuti program latihan mengajar, beberapa persoalan kajian telah timbul seperti berikut:

1. Sejauhmanakah penilaian prestasi guru pelatih yang disediakan oleh Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) memenuhi keperluan pendidikan masa kini?
2. Apakah bentuk penilaian yang sesuai untuk menilai prestasi guru pelatih?
3. Apakah kriteria-kriteria yang perlu dinilai bagi membantu meningkatkan prestasi guru pelatih?
4. Sejauhmanakah kepentingan penilaian oleh pensyarah KUiTTHO, guru pembimbing, pengetua, rakan sebaya, pelajar dan penilaian sendiri dalam mempertingkatkan prestasi guru pelatih?

1.5 Objektif Kajian

Pada umumnya, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kepelbagaian penilai dapat meningkatkan penilaian prestasi guru pelatih. Kepelbagaian penilai yang dimaksudkan adalah terdiri daripada pensyarah penyelia, guru pembimbing, pengetua, rakan sebaya, pelajar dan diri sendiri sebagai penilai prestasi guru pelatih. Selain daripada itu, penilaian prestasi guru pelatih turut merangkumi kriteria-kriteria yang perlu dinilai dan bentuk penilaian yang sesuai. Secara khususnya, kajian ini adalah bertujuan untuk:

1. Menentukan bentuk penilaian yang sesuai bagi menilai prestasi guru pelatih.
2. Menenalpasti kriteria yang diperlukan dalam penilaian prestasi guru pelatih
3. Menenalpasti kepentingan penilaian prestasi guru pelatih oleh pensyarah penyelia, guru pembimbing, pengetua, rakan sebaya, pelajar dan diri sendiri dalam mempertingkatkan prestasi guru pelatih.

1.6 Kepentingan Kajian

Penyelidik berharap hasil dapatan kajian yang dijalankan dapat membantu beberapa pihak iaitu:-

i) KUiTTHO

Memberi panduan kepada pihak KUiTTHO terutama pihak penyelaras program latihan mengajar tentang keperluan penilaian prestasi guru pelatih bagi meningkatkan prestasi dan mutu guru pelatih. Memandangkan bidang pendidikan yang sering mendapat kritikan agar seiring dengan perubahan teknologi, maka ia juga boleh memberi panduan kepada pihak KUiTTHO dalam menyusun kesesuaian isi kandungan dan kurikulum program pendidikan perguruan selari dengan keperluan masa kini.

ii) Guru Pelatih

Guru-guru pelatih mendapat pendedahan tentang penilaian dari pelbagai pihak yang bersesuaian untuk menilai prestasi mereka. Kriteria-kriteria yang lebih luas dan tidak tertumpu hanya satu-satu aspek sahaja lebih menguntungkan guru pelatih. Hal ini kerana guru pelatih tidak dinilai berdasarkan penyeliaan sekali atau dua kali sahaja dan waktu yang terhad di dalam kelas. Sebaliknya ia merangkumi aspek komunikasi, sahsiah, pengajaran dan pembelajaran yang lebih luas antara guru pelatih dengan penyelia dan iklim sekolah.

Dengan itu mereka tidak perlu bersikap 'pura-pura' ketika penyelia yang ditetapkan hadir kerana setiap waktu pembelajaran mereka akan berhadapan dengan pelajar yang juga akan menilai prestasi mereka. Selain itu guru pelatih akan berasa

dihargai kerana diberi peluang untuk menilai diri sendiri. Penilaian bukan lagi menjadi suatu 'mimpi ngeri' bagi guru pelatih kerana penilaian dari pelbagai pihak membuat guru pelatih lebih bersedia sejak dari awal. Penilaian pelbagai pihak juga lebih bercorak pembelajaran berterusan daripada penilaian sedia ada yang lebih bercorak 'pembelajaran untuk dinilai'.

iii) Profession Perguruan

Dalam usaha meningkatkan mutu profession perguruan, kajian yang dilakukan diharap dapat membantu meningkatkan prestasi guru pelatih. Guru pelatih yang menjadi penyambung nadi profession ini diharap lebih bersifat aktif, inovatif dan kreatif dalam melaksanakan hal-hal yang telah dipertanggungjawabkan.

1.7 Skop Kajian

Populasi kajian ini adalah terhadap pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional KUiTTHO yang menjalani latihan mengajar di Politeknik, Sekolah Menengah Teknik dan Kolej Komuniti di serata Malaysia.

Sampel yang diambil dalam kajian ini melibatkan 136 orang pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional KUiTTHO Semester 3 yang telah mengikuti latihan mengajar di Politeknik, Sekolah Menengah Teknik atau Kolej Komuniti di seluruh Malaysia. Persampelan adalah jenis sampel bertujuan. Ini kerana kajian ini terbatas kepada guru pelatih yang pernah mengikuti program latihan mengajar. Data-data yang diperlukan adalah berkenaan latihan mengajar yang telah dilalui oleh mereka. Dengan itu, sampel tersebut dapat memenuhi populasi kajian yang dikaji.

1.8 Definisi Istilah

Di dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan beberapa istilah bagi menerangkan dengan lebih terperinci mengenai kajian ini. Istilah tersebut adalah seperti yang akan dibincangkan di bawah ini.

1.8.1 Pemantapan

Merujuk Kamus Dewan (1997), pemantapan ialah suatu proses untuk menjadikan stabil. Dalam konteks kajian ini, pemantapan merujuk kepada suatu proses untuk memantapkan lagi kaedah penilaian prestasi guru pelatih di KUiTTHO yang mengikuti program latihan mengajar di politeknik-politeknik, sekolah menengah teknik dan kolej-kolej komuniti di serata Malaysia. Jika persoalan diajukan iaitu adakah penilaian yang sedia ada tidak bagus, maka jawapannya ialah tidak ada seseorang pun yang benar-benar tahu bahawa adakah sesuatu penilaian yang dilakukan oleh sesuatu institusi itu benar-benar menepati konsep penilaian dalam pendidikan. Apa yang pasti menurut Tajul Ariffin Noordin (1994), bidang pendidikan merupakan suatu bidang yang perlu menjalani pemikiran semula dari masa ke masa untuk memastikan mutu pendidikan setaraf dengan keperluan masyarakat dan perkembangan pesat dalam arus pemodenan kini. Dengan itu proses pemantapan perlu dilakukan dari masa ke masa untuk memastikan bakal-bakal pendidik anak bangsa yang dilahirkan adalah bermutu tinggi.

Pemantapan penilaian dalam kajian ini memfokuskan kepada keperluan penilaian prestasi guru pelatih dari segi penilaian dari pelbagai pihak. Ini bermaksud, penilaian yang sedia ada hanyalah mengambil kira penilaian dari peringkat atasan iaitu pensyarah penyelia KUiTTHO, guru atau pensyarah pembimbing dan pengetua atau pengarah tempat latihan mengajar diadakan. Dengan

itu penyelidik cuba membawa suatu pemikiran baru dengan mengambilkira penilaian dari pelbagai pihak termasuklah penilaian dari pelajar yang diajar, penilaian oleh rakan sebaya dan penilaian sendiri iaitu oleh guru pelatih sendiri. Selain itu juga, pemantapan penilaian prestasi guru pelatih turut mengambil kira dari aspek pengurusan program itu sendiri, bentuk-bentuk penilaian yang dilakukan oleh penilai-penilai dan kriteria-kriteria yang penting dalam penilaian prestasi guru pelatih.

1.8.2 Penilaian Prestasi

Penilaian adalah satu proses yang sistematik yang melibatkan pengumpulan, penganalisan dan penginterpretasian tentang setakat mana pelajar telah mencapai objektif pengajaran. Menurut Sharifah Alwiah Alsagoff (1983), penilaian dapat ditakrifkan sebagai proses menentukan, mendapatkan dan memberikan maklumat yang berguna untuk membuat pertimbangan mengenai tindakan selanjutnya. Penilaian memerlukan bukti dan maklumat secara kuantitatif dan kualitatif sebelum sesuatu pertimbangan mengenai perkembangan dan prestasi pelajar dapat dibuat (Yap Yee Khiong et al, 1985). Dalam konteks kajian ini, penilaian yang ingin dikaji adalah terhadap prestasi guru pelatih KUiTTHO yang mengikuti program latihan mengajar. Dengan itu, proses pengumpulan maklumat pelajar atau guru pelatih mengenai pencapaian objektif latihan mengajar perlu dibuat untuk dinilai.

Penilaian prestasi guru pelatih merupakan satu kaedah bagi melihat kualiti pengajaran yang disampaikan oleh seseorang guru pelatih. Aktiviti pengajaran yang dilakukan oleh seseorang guru adalah merupakan sesuatu proses yang berkaitan dengan penyebaran ilmu pengetahuan atau kemahiran supaya pelajar-pelajar dapat mempelajari dan menguasainya dengan berkesan (Mok Soon Sang, 2000). Sebelum seseorang guru pelatih lulus dalam kursus perguruannya, mereka perlu dinilai melalui beberapa aspek.

Aspek utama ialah dari segi persediaan dan pelaksanaan dalam perancangan dan pembelajaran. Menurut Abu Hassan Kassim (1989), melalui proses penilaian ini kemahiran pengajaran dan profesionalisme guru pelatih dapat dipertingkatkan bagi membolehkan berlakunya proses pembelajaran yang optimum. Di samping itu sikap dan tingkah laku guru akan turut dinilai melalui aspek disiplin diri dan nilai diri. Disiplin diri merujuk kepada kepatuhan seorang guru pelatih itu ke atas etika seorang guru. Ianya akan memberi kesan kepada guru pelatih tersebut untuk menjadi seorang guru yang baik dan berkesan. Nilai diri pula adalah merujuk kepada sahsiah diri guru pelatih dari segi tutur bahasa, bersikap adil serta tingkahlaku yang murni. Borich (1996) telah mengatakan bahawa seorang guru yang efektif adalah seorang yang jujur, bekerja kuat, murah hati, mesra dan bertimbang rasa. Menurut beliau lagi semua kualiti tersebut perlulah ditunjukkan di dalam kelas dengan menjadi seorang guru yang berwibawa, teratur, berdisiplin dan berdedikasi.

1.8.3 Latihan Mengajar

Sebelum seseorang pelatih ditauliahkan sebagai guru, kemampuannya untuk mempraktikkan segala teori, kaedah, strategi, pendekatan, kemahiran dan pengetahuan yang dipelajari di dalam kelas atau kuliah akan digilap melalui program latihan mengajar. Program latihan mengajar memberi pengalaman sebenar kepada guru pelatih mengenai tugas seorang guru. Menurut Abu Hassan Kassim (1989), melalui latihan mengajar, guru berpeluang menimba pengetahuan dan kemahiran baru dalam bidang perguruan. Abd Raof Dalip dan T Subahan Mohd Meerah (1991) turut menyatakan bahawa semasa program latihan mengajar berlangsung, guru pelatih itu menerima tunjuk ajar, bimbingan, pandangan, nasihat, teguran dan penilaian formatif dan sumatif dalam pengajarannya sebagai satu proses penyediaan ke arah pengajaran yang lebih berkesan.

Jika seseorang guru pelatih gagal menunjukkan kebolehan dan kecekapannya sebagai guru terlatih, ini bererti seseorang itu belum layak memasuki bidang keguruan. Walker dan Adenman (1975) turut bersetuju dengan menyatakan bahawa guru pelatih akan dinilai pengajarannya di samping menilai pembelajaran pelajar. Dengan itu, kejayaan guru pelatih terutamanya dalam aspek menguasai asas pendidikan, penguasaan isi pelajaran, penggunaan prinsip-prinsip pedagogi dan sahsiah yang diharapkan menjadi kayu pengukur untuk menjadi seorang guru yang terlatih. Dalam konteks kajian ini, guru pelatih dianggap sebagai seorang pengkaji yang menjalani latihan mengajar di bawah kawalan dan bimbingan guru terlatih atau penyelia yang mahir dan berpengalaman untuk suatu jangkamasa tertentu seperti 4 minggu dan 8 minggu sebagaimana yang ditetapkan oleh KUiTTHO. Latihan ini merupakan satu syarat yang mesti dipenuhi oleh guru pelatih yang mengikuti kursus perguruan di KUiTTHO.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

RUJUKAN

Ab Aziz Yusof (1999). "Penilaian Prestasi: Konsep dan Kaedah Pelaksanaan".
Universiti Utara Malaysia. Tidak Diterbitkan.

Abdul Rahim Abdul Rashid, Abdul Aziz Abdul Talib, Abdul Ghafar Md Din dan
Mohamad Haron. (1992). "Panduan Latihan Mengajar". Kuala Lumpur: Dewan
Bahasa dan Pustaka. 1-54.

Abd Raof Dalip dan T. Subahan Mohd Meerah (1991). "Isu-isu Latihan Mengajar".
Kuala Lumpur: Fajar Bakti. 1-35

Abu Bakar Hasim. (1995). "Falsafah Penyeliaan Pendidikan". dlm. "Bengkel
Penyelarasan Penyelia Latihan Mengajar Penyelia-penyelia Bersekutu
UTM/MRSM". Johor: Universiti Teknologi Malaysia. 1-17

Abu Bakar Nordin, T. Subahan Mohd Meerah dan Abdullah Mohd Nor (1994).
"Pendidikan Guru Berteraskan Sekolah". dlm. Rashidi Azizan "Prosiding
Seminar JKLKAU ke-9". Selangor: MASA Enterprise. 7-17

Abu Hassan Kassim (1989). "Ke Arah Mempertingkatkan Prestasi Guru Sains Dan
Matematik, Khususnya Guru Pelatih UTM". Johor: Universiti Teknologi
Malaysia. 1-13.

- Abu Hassan Kassim, Mohamad Bilal Ali, Meor Ibrahim Kamarudin, Maslan Hj Osman dan Mohd Salleh Abu (1994). "Penilaian Penyeliaan Latihan Praktikal Mengajar Dari Perspektif Guru Pelatih". dlm. Rashidi Azizan. "Prosiding Seminar JKLKAU ke-9. Selangor: MASA Enterprise. 222-233
- Abu Hassan Kassim dan Meor Ibrahim Kamaruddin. (1995). "Penyelia Dan Penyeliaan Pengajaran Guru Pelatih: Perancangan Dan Penyampaian Pengajaran". dlm. "Bengkel Penyelarasan Penyelia Latihan Mengajar Penyelia-penyelia Bersekutu UTM/MRSM". Johor: Universiti Teknologi Malaysia. 1-31
- Abu Hassan Kassim dan Meor Ibrahim Kamaruddin (1998). "Kerjasama UTM – Sekolah Dalam Pengendalian Program Latihan Mengajar: Penyeliaan Bersekutu". dlm "Prosiding Seminar Jawatankuasa Penyelarasan Pendidikan Guru". Kuala Lumpur: Universiti Malaya. 431-454
- Abu Zahari Abu Bakar, Aziz Nordin, Baharuddin Aris, Mohd Yusof Arshad dan Nadzari Shaari (1988). "Kesan Pengajaran Guru-guru Pelatih Universiti Teknologi Malaysia Semasa Menjalani Latihan Praktikal Mengajar Di Sekolah-sekolah Menengah Di Semenanjung Malaysia". Johor: Universiti Teknologi Malaysia. 1-12
- Affizah Mohamad Ghaffar (2001). "Maklum Balas Pelajar-pelajar Sarjana Pendidikan (Teknikal), Jabatan Pendidikan Teknik Dan Vokasional, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTTHO) Terhadap Latihan Mengajar". Johor: Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTTHO). Tesis Sarjana Pendidikan Teknikal.
- AL Ramaiah (1995). "Penyeliaan – Satu Beban Atau Kemudahan". Kuala Lumpur: Universiti Malaya. 1-13
- Archeson, K.A. dan Gall, M.D. (1980). "Techniques In The Clinical Supervision Of Teachers: Preservice Applications". New York: Longman. 12-23

Aziz Nordin dan Mohamad Yusof Arshad (1995). "Penilaian Dalam Latihan Mengajar". dlm. "Bengkel Penyelarasan Penyelia Latihan Mengajar Penyelia-penyelia Bersekutu UTM/MRSM". Johor: Universiti Teknologi Malaysia. 1-31

Aziz Nordin, Mohamad Yusof Arshad dan Mohd Salleh Abu (1995). "Masalah Pengajaran Guru Pelatih Sains Dan Matematik: Ke Arah Penyelarasan Penyeliaan". dlm. "Bengkel Penyelarasan Penyelia Latihan Mengajar Penyelia-penyelia Bersekutu UTM/MRSM". Johor: Universiti Teknologi Malaysia. 1-27

Azizah Abdul Rahman dan Abdul Aziz Zakaria (1994). "Ke Arah Pembentukan Guru Yang Unggul: Penilaian Berterusan Program Bachelo Pendidikan Di Universiti Pertanian Malaysia". dlm. Rashidi Azizan. "Prosiding Seminar JKLKAU ke-9". Selangor: MASA Enterprise. 18-24

Azyati Mohd Agos (2001). "Penilaian Pengetua Terhadap Pencapaian Pelajar-pelajar Diploma Kejuruteraan Dengan Kemahiran Serta Pendidikan (DKKP) Semester 4 Sesi 2000/2001 Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) Terhadap Latihan Mengajar". Johor: Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO). Tesis Sarjana Pendidikan Teknikal.

Borich G.D. (1996). "Effective Teaching Methods". New Jersey: Prentice Hall.

Campbell D.M., Melenzyer B.J., Nettles D.H. dan Wyman R.M. (2000). "Portfolio and Performance Assessment in Teacher Education." Needham Heights: Allyn & Bacon

Cohen L. dan Manion L. (1989). "Panduan Latihan Mengajar." Terjemahan Mohd Noh Bidin. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka. 1-23

Cox B. (1994). "Practical Pointers For University Teachers". London: Kogan Page. 99-129

Crowl, T. K. (1993). "Fundamentals of Educational Research." Madison, WI: Brown and Benchmark.

Edward John (1989). "Penilaian Pensyarah Penyelia Terhadap Pelajar Sarjana Pendidikan (Teknikal) Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) Dalam Latihan Mengajar". Johor: Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn. Tesis Sarjana Pendidikan Teknikal.

Ee Ah Meng (1997). "Pedagogi II: Perlaksanaan Pengajaran". Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Ejananti Abd Halim (2001). "Maklum Balas Pelajar-pelajar Diploma Kejuruteraan Dengan Kemahiran Serta Pendidikan (DKKP) Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) Terhadap Latihan Mengajar". Johor: Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO). Tesis Sarjana Pendidikan Teknikal

Furlong, J.(1990). "School-Based Training: The Student's View". dlm. Furlong, J., Booth, M dan Wilkin, M. "Partnership in Initial Teacher Training". London: Cassell Educational Limited. 87-98

Furlong, J dan Smith, R. (1996). "The Role Of Higher Education In Initial Teacher Training". London; Kogan Page.1-7

Hashim Othman dan Mohd Daud Hamzah (2001). "Latihan Mengajar Kendalian Sekolah: Penerokaan Komponen-komponen Kecekapan Mengajar Guru Pelatih Prasiswazah". dlm. UiTM International Conference on Teacher Education. <http://digest.myvirtec.net/docs/Hashim1.doc>

Hazil Abd Hamid (1995). "Penyeliaan Dan Peningkatan Prestasi Pelatih Latihan Mengajar Dalam perspektif Pembentukan Objektif Dan Proses Bimbingan. Dalam Bengkel Penyelarasan Penyelia Latihan Mengajar Penyelia-penyelia Bersekutu UTM/MRSM". Johor: Universiti Teknologi Malaysia. 1-23

Heywood, J.(1982). "Pitfalls and Planning In Student Teaching". London: Kogan
Page. 27-39

Ismail Kailani (1982). "Panduan Penyeliaan Dan Bimbingan Latihan Mengajar.
Dalam Bengkel Penyeliaan Latihan Mengajar". Johor: Universiti Teknologi
Malaysia. 1-21

Ismail Kailani (1989). "Latihan Mengajar: Di Mana Kita Sekarang dan Di Mana
Seharusnya Kita Berada?". dlm "Prosiding Bengkel Maklumbalas Latihan
Mengajar". Johor: Universiti Teknologi Malaysia. 32-43

Ismail Kailani. (1995). "Sistem Dan Strategi Penyeliaan Latihan Mengajar". dlm.
"Bengkel Penyelarasan Penyelia Latihan Mengajar Penyelia-penyelia Bersekutu
UTM/MRSM". Johor: Universiti Teknologi Malaysia. 1-23

Jagdish Raj Sharma (1992). "Latihan Mengajar". dlm. Isahak Haron dan Koh Boh
Boon. "Asas-asas Dalam Amalan Pedagogi". Kuala Lumpur: Utusan Publications
& Distributors Sdn Bhd. 23-34

Machado, J.M. dan Botmarescue, H.M. (1993). "Student Teaching". Canada: Delmar
Publisher Inc. 236-249

Marson, E.J. dan Bramble, W.J. (1997). "Research in education And The Behavioral
Science Concepts And Methods". California: Brown Brenemark. 123-127

Mohd Ibrahim Nazri dan Zakaria Kasa (1994). "Keputusan Latihan Mengajar: Asas
Peningkatan Professionalisme Perguruan". Dlm. Rashidi Azizan. "Prosiding
Seminar JKLKAU ke-9". Selangor: MASA Enterprise. 214-221

Mohd Majid Mohd Konting (1998). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan." Kuala
Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Mohd Najib Abdul Ghafar (1999). "Penyelidikan Pendidikan". Johor: Universiti
Teknologi Malaysia. 12-23

- Mok Soon Sang (2000). "Pedagogi 2 : Pelaksanaan Pengajaran". Kuala Lumpur Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Rohayah Omar dan Siti Jaleha Abu Bakar (1998). "Keberkesanan Kursus Latihan Dalaman (In-House Training): Satu Kajian Kes Di Maktab Perguruan Persekutuan Pulau Pinang." <http://www.geocities.com/penyelidikanm4p/rohaya-inhouse.htm>
- Shaharom Noordin (1989). "Instrumen Penilaian Guru Pelatih (JPGP)". dlm. "Prosiding Bengkel Maklumbalas Latihan Mengajar". Johor: Universiti Teknologi Malaysia. 1-26
- Shamsul Mazalan (2001). "Penilaian Pengetua Terhadap Pencapaian Pelajar-pelajar Sarjana Pendidikan (Teknikal) Sesi 2000/2001 Jabatan Pendidikan Teknik Dan Vokasional, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) Dalam Latihan Mengajar". Johor: Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO). Tesis Sarjana Pendidikan Teknikal.
- Sharifah Alwiah Alsagoff (1983). "Ilmu Pendidikan Pedagogi". Selangor: Heinemann Educational Books
- Shariff Omar, Baharudin Aris, Mohd Ghani Awang dan Baharin Abu (1994). "Penilaian Penyeliaan Terhadap Prestasi Guru Pelatih Universiti Teknologi Malaysia Dalam Latihan Mengajar". dlm. Rashidi Azizan. "Prosiding Seminar JKLKAU ke-9". Selangor: MASA Enterprise. 25-30
- Sharpe, D.M. (1970). "A Brief Guide To Secondary School Student Teaching". Terre Haute, IN: Indiana State University. 23-25
- Shaw, R. (1995). "Teacher Training in Secondary School". London: Kogan Page. 27-39
- Stones, E. (1984). "Supervision In Teacher Education". London: Methusen and Co.Ltd. 23-43

Siti Nordinar Mohd Tamin (1989). "Satu Pandangan Terhadap Penilaian Prestasi Pelajar Semasa Latihan Mengajar". dlm. "Prosiding Bengkel Maklumbalas Latihan Mengajar". Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

Tajul Ariffin Noordin (1994). "Latihan Mengajar: Suatu Pemikiran Semula Dari Segi Konsep Dan Pelaksanaan". dlm. Rashidi Azizan. "Prosiding Seminar JKLKAU ke-9". Selangor: MASA Enterprise. 109-112

Tunku Mohani Tunku Mohtar dan Lee, Pau Weng (1994). "Penyeliaan Memusatkan Pelajar". dlm. Rashidi Azizan. "Prosiding Seminar JKLKAU ke-9. Selangor: MASA Enterprise. 66-81

Turney, C., Cairns, L.G., Eltis, K.J., Hatton, N., Thew, D.M., Towler, J. dan Wright, R. (1982). "The Practicum in Teacher Education, Research, Practice and Supervision". Sydney: Sydney University Press. 12-46

Valli, L. (1989). "Collaboration For Transfer Of Learning: Preparing Preservice Teachers". *Teacher Education Quarterly*. 23. 85-94

Walker R. dan Adelman C. (1975). "A Guide To Classroom Observation." London: Methusen and Co.Ltd.

Widad Othman, Rio Sumarni Shariffudin dan Noor Khaida Wati Mohd Saiyudi (1989). "Ke Arah Penyelarasan Penyeliaan Penyelia". dlm "Prosiding Bengkel Maklumbalas Latihan Mengajar". Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

Wiersma, W. (1995). "Research Methods in Education.". Boston, MA: Allyn and Bacon.

Wilkin, M.(1990). "The Development of Partnership in the United Kingdom". dlm. Furlong, J., Booth, M dan Wilkin, M. "Partnership in Initial Teacher Training". London: Cassell Educational Limited. 3-23

Wilson, B. dan Wood, J.A. (1996). "Teacher Evaluation: A National Dilemma".
Journal of Personnel Evaluation In Education 10:75-82, Boston: Kluwer
Academic Publishers

Yap Yee Khiong, Wan Chwee Seng dan Ismail Abu Bakar (1985). "Pengukuran dan
Penilaian Dalam Pendidikan". Selangor: Longman Malaysia.

Zakaria Kassim dan Idris Md Noor (1994). "Latihan Mengajar: Permasalahan Dan
Cabaran Di USM". dlm. Rashidi Azizan. "Prosiding Seminar JKLKAU ke-9".
Selangor: MASA Enterprise. 113-118

Zainun Ishak (1994). "Pemikiran dan Cara Membuat Keputusan di Kalangan Guru
Pelatih". dlm. Rashidi Azizan. "Prosiding Seminar JKLKAU ke-9". Selangor:
MASA Enterprise. 168-162

Zulkifli A. Manaf (1994). "Kritikan Tentang Amalan Latihan Mengajar Dalam
Pendidikan Guru". dlm. Rashidi Azizan. "Prosiding Seminar JKLKAU ke-9".
Selangor: MASA Enterprise. 163-171

